



MALAYSIA

**Warta Kerajaan
SERI PADUKA BAGINDA
DITERBITKAN DENGAN KUASA**

HIS MAJESTY'S GOVERNMENT GAZETTE

PUBLISHED BY AUTHORITY

Jil. 51
No. 26

31hb Disember 2007

*TAMBAHAN No. 156
PERUNDANGAN (A)*

P.U. (A) 438.

AKTA INDUSTRI PERKHIDMATAN AIR 2006

KAEDAH-KAEDAH INDUSTRI PERKHIDMATAN AIR (PERMIT) 2007

SUSUNAN KAEDAH-KAEDAH

Kaedah

1. Nama dan permulaan kuat kuasa
2. Tafsiran
3. Kelayakan
4. Permohonan untuk dan pengeluaran permit
5. Kategori permit dan borang
6. Tempoh permit
7. Syarat-syarat bagi semua permit
8. Pembaharuan permit

Kaedah

9. Pindah milik permit
10. Pembatalan atau penggantungan permit
11. Penggantian permit
12. Salinan diperakui sah permit
13. Fi
14. Pelanjutan masa

JADUAL

AKTA INDUSTRI PERKHIDMATAN AIR 2006**KAEDAH-KAEDAH INDUSTRI PERKHIDMATAN AIR (PERMIT) 2007**

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh perenggan 180(g) Akta Industri Perkhidmatan Air 2006 [*Akta 655*], Suruhanjaya membuat kaedah-kaedah yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Kaedah-kaedah ini bolehlah dinamakan **Kaedah-Kaedah Industri Perkhidmatan Air (Permit) 2007**.
(2) Kaedah-Kaedah ini mula berkuat kuasa pada 1 Januari 2008.

Tafsiran

2. Dalam Kaedah-Kaedah ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

“Lembaga” ertiya Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia yang ditubuhkan di bawah Akta Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia 1994 [*Akta 520*];

“pemegang permit” ertiya seseorang yang kepadanya permit dikeluarkan di bawah Kaedah-Kaedah ini;

“permit” ertiya permit yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya di bawah Kaedah-Kaedah ini.

Kelayakan

3. (1) Orang yang berikut adalah layak untuk memohon suatu permit:
 - (a) suatu syarikat yang diperbadankan di Malaysia;
 - (b) seorang individu yang merupakan warganegara atau pemastautin tetap Malaysia; atau
 - (c) orang atau golongan orang yang ditentukan oleh Suruhanjaya dari semasa ke semasa sebagai layak.
- (2) Seseorang atau golongan orang tidak layak untuk memohon suatu permit melainkan jika orang atau golongan orang itu memegang perakuan pendaftaran yang diperlukan sebagai kontraktor berdaftar yang dikeluarkan oleh Lembaga yang akan ditetapkan oleh Suruhanjaya dari semasa ke semasa kecuali jika orang atau golongan orang itu berhasrat untuk memohon suatu permit IPA Jenis A untuk menjalankan aktiviti seorang pemasang paip.

Permohonan untuk dan pengeluaran permit

4. (1) Pemohon permit hendaklah mengemukakan—

- (a) permohonan yang berasingan bagi setiap kategori kerja yang diperuntukkan dalam seksyen 50 Akta dalam borang yang bersesuaian yang ditetapkan dalam Jadual Pertama;
- (b) maklumat yang dikehendaki di bawah subkaedah (2); dan
- (c) apa-apa maklumat atau dokumen lain sebagaimana yang dikehendaki oleh Suruhanjaya secara bertulis atau menurut mana-mana garis panduan pentadbiran yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya.

(2) Permohonan untuk permit hendaklah mengandungi maklumat yang berikut:

- (a) butir-butir pemohon;
- (b) kategori kerja yang akan dikendalikan atau disediakan oleh pemohon;
- (c) kelayakan pemohon;
- (d) perakuan pendaftaran yang diperlukan sebagai kontraktor berdaftar yang dikeluarkan oleh Lembaga, jika diperlukan; dan
- (e) apa-apa maklumat dan dokumen yang dikemukakan kepada Lembaga bagi maksud didaftarkan sebagai kontraktor atau kebenaran untuk mengakses maklumat dan dokumen secara langsung daripada Lembaga.

(3) Apabila diterima permohonan untuk suatu permit, Suruhanjaya boleh—

- (a) mengeluarkan permit setelah dibayar fi sebagaimana yang ditetapkan dalam Jadual Kedua; atau
- (b) enggan untuk mengeluarkan permit itu, dan dengan itu sebab bagi keengganan itu hendaklah diberikan kepada pemohon secara bertulis.

Kategori permit dan borang

5. (1) Seseorang yang berhasrat untuk menjalankan mana-mana kerja yang dinyatakan dalam seksyen 50 Akta dikehendaki untuk mempunyai permit yang berikut:

- (a) suatu permit IPA Jenis A bagi menjalankan apa-apa pembinaan, penyambungan, pengubahsuaian atau pemberian paip air dan kelengkapan air yang menyalurkan atau akan menyalurkan air dari paip utama;
- (b) suatu permit IPA Jenis B bagi menjalankan apa-apa kerja yang perlu untuk menyambungkan suatu sambungan persendirian kepada suatu pembetungan atau tempat merawat kumbahan;

- (c) suatu permit IPA Jenis C bagi menjalankan apa-apa pembinaan, pemasangan atau pengubahsuaihan kepada mana-mana bahagian suatu sistem bekalan air atau sistem pembetungan;
 - (d) suatu permit IPA Jenis D bagi menjalankan perkhidmatan penyenggaraan bagi suatu sistem bekalan air atau suatu sistem pembetungan tetapi yang tidak melibatkan pengendalian sistem tersebut; atau
 - (e) suatu permit IPA Jenis E untuk mengusahakan, menyediakan atau mengadakan perkhidmatan penyahenap cemar.
- (2) Permit yang berasingan adalah dikehendaki untuk menjalankan kerja yang berasingan yang dinyatakan dalam seksyen 50 Akta.
- (3) Permit yang berasingan adalah dikehendaki untuk menjalankan kerja di negeri yang berlainan, kecuali bagi permit IPA jenis C.
- (4) Permit yang dikeluarkan di bawah Kaedah-Kaedah ini hendaklah dalam borang yang ditetapkan dalam Jadual Ketiga.
- (5) Walau apa pun subkaedah (1)—
- (a) pemegang lesen perkhidmatan di bawah Akta yang menyediakan perkhidmatan bekalan air tidaklah dikehendaki untuk mendapatkan permit di bawah perenggan (1)(d) untuk menjalankan perkhidmatan penyenggaraan bagi sistem bekalan air; dan
 - (b) pemegang lesen perkhidmatan di bawah Akta yang menyediakan perkhidmatan pembetungan tidaklah dikehendaki untuk mendapatkan—
 - (i) permit di bawah perenggan (1)(d) untuk menjalankan perkhidmatan penyenggaraan bagi sistem pembetungan; dan
 - (ii) permit di bawah perenggan (1)(e) untuk mengusahakan, menyediakan atau mengadakan perkhidmatan penyahenap cemar pembetungan.

Tempoh permit

6. Melainkan jika dibatalkan oleh Suruhanjaya sebelum habis tempoh permit, sesuatu permit adalah sah bagi suatu tempoh minimum satu tahun tetapi tidaklah sah melebihi tiga tahun dari tarikh pengeluaran permit itu.

Syarat-syarat bagi semua permit

7. (1) Pemegang permit hendaklah mematuhi syarat-syarat permit yang hendaklah termasuk syarat-syarat standard yang berikut:
- (a) pemegang permit hendaklah menjalankan kerja, dan di dalam negeri atau negeri-negeri, yang dinyatakan dalam permit itu sahaja;
 - (b) pemegang permit hendaklah memaklumkan Suruhanjaya mengenai apa-apa perubahan butir-butir pemegang permit;

- (c) pemegang permit hendaklah memberikan maklumat, dalam format dan pada lat tempoh, sebagaimana yang dikehendaki oleh Suruhanjaya;
- (d) pekerja dan pekhidmat pemegang permit hendaklah dibenarkan untuk menjalankan kerja yang dibenarkan di bawah permit bagi pemegang permit dengan syarat bahawa pemegang permit hendaklah pada setiap masa bertanggungjawab terhadap semua tindakan atau peninggalan pekerja dan pekhidmatnya;
- (e) pemegang permit hendaklah pada setiap masa mengekalkan perakuan pendaftaran yang diperlukan sebagai kontraktor berdaftar yang dikeluarkan oleh Lembaga, jika diperlukan;
- (f) pemegang permit hendaklah pada setiap masa memiliki dan mengekalkan kelayakan untuk memegang permit sebagaimana yang ditentukan oleh Suruhanjaya dari semasa ke semasa;
- (g) pemegang permit hendaklah pada setiap masa berurusan dengan pengguna secara adil dan munasabah dan jika terpakai, mematuhi standard pengguna;
- (h) pemegang permit hendaklah pada setiap masa melindungi keselamatan orang awam dan pekerjanya dan hendaklah pada setiap masa mematuhi tatacara dan peraturan pekerjaan, kesihatan dan keselamatan yang berkaitan yang dikenakan oleh pihak berkuasa yang berkaitan;
- (i) pemegang permit, pekerja dan pekhidmatnya hendaklah pada setiap masa mematuhi kehendak kesihatan yang terpakai yang dikenakan oleh pihak berkuasa kesihatan yang berkaitan;
- (j) pemegang permit hendaklah menuruti dan mematuhi syarat permit dan peruntukan Akta dan mana-mana perundangan subsidiari yang dibuat atau instrumen lain yang dikeluarkan di bawah Akta; dan
- (k) pemegang permit hendaklah mematuhi syarat lain sebagaimana yang dikenakan oleh Suruhanjaya dari semasa ke semasa.

Pembaharuan permit

8. (1) Sesuatu permohonan bagi pembaharuan permit hendaklah dibuat dua bulan sebelum tarikh habis tempoh permit itu dan Suruhanjaya boleh—
- (a) memberikan pembaharuan tertakluk kepada apa-apa pengubahan atau pembatalan syarat atau pengenaan syarat tambahan setelah dibayar fi yang ditetapkan dalam Jadual Kedua; atau
 - (b) enggan untuk memberikan pembaharuan, dan dengan itu sebab bagi keengganan itu hendaklah diberikan kepada pemohon secara bertulis.
- (2) Pemohon bagi pembaharuan permit hendaklah mengemukakan—
- (a) permohonan dalam borang yang ditetapkan dalam Jadual Keempat; dan
 - (b) apa-apa maklumat atau dokumen lain yang dikehendaki oleh Suruhanjaya secara bertulis atau menurut mana-mana garis panduan pentadbiran yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya.

Pindah milik permit

9. Sesuatu permit adalah bersifat peribadi bagi pemegang permit dan tidak boleh diserahkan, disublesenkan atau dipindahmilikkan kepada mana-mana orang.

Pembatalan atau penggantungan permit

10. (1) Suruhanjaya boleh melalui notis bertulis membatalkan permit yang dikeluarkan di bawah Kaedah-Kaedah ini atau menggantung permit itu bagi suatu tempoh yang difikirkannya patut jika—

- (a) pemegang permit tidak mematuhi mana-mana syarat permit itu;
- (b) pemegang permit tidak mematuhi mana-mana peruntukan Akta atau perundangan subsidiarinya;
- (c) pemegang permit telah mendapatkan permit itu secara salah atau tidak sah;
- (d) pemegang permit telah disabitkan dengan kesalahan di bawah Akta atau perundangan subsidiarinya;
- (e) penerima, penerima atau pengurus, pelikuidasi sementara atau pegawai yang serupa telah dilantik mengenai keseluruhan atau sebahagian besar aset pemegang permit dan pelantikan tersebut tidak dibatalkan atau dirungkaikan dalam masa enam puluh hari dari tarikh pelantikan itu;
- (f) pemegang permit diisyiharkan sebagai bankrap;
- (g) pemegang permit tidak lagi menjalankan perniagaannya; atau
- (h) telah berlaku apa-apa tindakan atau keingkaran pada pihak pemegang permit atau terdapat perubahan dalam hal keadaan sehingga pemegang permit tidak lagi berhak untuk diberi permit di bawah Akta atau Kaedah-Kaedah ini.

(2) Sebelum Suruhanjaya membuat keputusan di bawah subkaedah (1), Suruhanjaya hendaklah memberi pemegang permit—

- (a) suatu notis bertulis tentang niat Suruhanjaya untuk membatalkan atau menggantung permit itu; dan
- (b) peluang untuk membuat penghujahan secara bertulis dalam tempoh masa yang dinyatakan dalam notis bertulis itu yang hendaklah tidak kurang daripada tiga puluh hari dari tarikh notis itu disampaikan kepada pemegang permit.

(3) Selepas habis tempoh yang dinyatakan dalam notis itu, Suruhanjaya hendaklah, selepas menimbangkan apa-apa penghujahan bertulis yang dibuat oleh pemegang permit, memutuskan sama ada untuk membatalkan atau menggantung atau tidak permit itu dan memberitahu pemegang permit secara bertulis tentang keputusannya dan tempoh penggantungan, dalam hal penggantungan.

(4) Pemegang permit tidak berhak untuk mendapatkan apa-apa bentuk pampasan daripada Suruhanjaya jika permit itu dibatalkan atau digantung mengikut Kaedah-Kaedah ini.

(5) Pembatalan atau penggantungan permit hendaklah berkuat kuasa—

- (a) pada tarikh yang dinyatakan oleh Suruhanjaya dalam notis bertulis yang diberikan di bawah subkaedah (3); atau
- (b) jika tiada tarikh dinyatakan dalam notis bertulis di bawah subkaedah (3), pada habis tempoh tiga puluh hari dari tarikh notis itu disampaikan kepada pemegang permit.

Penggantian permit

11. (1) Jika sesuatu permit hilang atau musnah, pemegang permit hendaklah membuat laporan kepada Suruhanjaya berkenaan dengan kehilangan atau kemasuhan itu.

(2) Permohonan bagi penggantian permit hendaklah dibuat secara bertulis kepada Suruhanjaya dan hendaklah disertai dengan apa-apa maklumat yang dikehendaki oleh Suruhanjaya dan fi yang ditetapkan bagi penggantianya sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual Kedua.

(3) Jika Suruhanjaya berpuas hati bahawa kehilangan atau kemasuhan permit itu bukan disebabkan oleh apa-apa fraud, Suruhanjaya boleh mengeluarkan suatu permit gantian dalam bentuk yang sama seperti yang asal tetapi dengan perkataan “SALINAN PENDUA” diendorskan atas permit itu.

(4) Salinan pendua permit yang dikeluarkan di bawah subkaedah (3) hendaklah mempunyai kesan yang sama seperti permit yang asal.

Salinan diperakui sah

12. (1) Pemegang permit boleh memohon kepada Suruhanjaya secara bertulis untuk mendapatkan suatu salinan diperakui sah permitnya.

(2) Setelah dibayar fi yang ditetapkan sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual Kedua, Suruhanjaya hendaklah memberikan suatu salinan diperakui sah permit yang berkenaan kepada pemegang permit.

Fi

13. (1) Fi yang hendaklah dibayar berkenaan dengan permit adalah sebagaimana yang ditetapkan di dalam Jadual Kedua.

(2) Fi yang disebut di dalam subkaedah (1) hendaklah dibayar kepada Suruhanjaya mengikut apa-apa kaedah dan cara yang ditentukan oleh Suruhanjaya dari semasa ke semasa.

Pelanjutan masa

14. Walau apa pun apa-apa jua yang terkandung dalam Kaedah-Kaedah ini atau dalam apa-apa permintaan oleh Suruhanjaya, jika suatu tempoh masa ditetapkan di bawah Kaedah-Kaedah ini atau dalam apa-apa permintaan oleh Suruhanjaya supaya suatu tindakan dilakukan atau suatu syarat dipenuhi, orang yang berkenaan boleh memohon pelanjutan masa secara bertulis dan Suruhanjaya boleh memberikan pelanjutan masa itu sebagaimana yang disifatkan patut oleh Suruhanjaya.

JADUAL PERTAMA

[subkaedah 4(1)/subrule 4(1)]

AKTA INDUSTRI PERKHIDMATAN AIR 2006 WATER SERVICES INDUSTRY ACT 2006

KAEDAH-KAEDAH INDUSTRI PERKHIDMATAN AIR (PERMIT) 2007 WATER SERVICES INDUSTRY (PERMIT) RULES 2007

PERMOHONAN PERMIT APPLICATION FOR A PERMIT

Catatan:

Note:

Borang permohonan yang berasingan mestilah dikemukakan bagi setiap Negeri berkenaan dengan jenis permit yang berikut:

Separate application forms must be submitted for each State with respect to the following types of permits:

- (a) Permit IPA Jenis A;
IPA Type A permits;
- (b) Permit IPA Jenis B;
IPA Type B permits;
- (c) Permit IPA Jenis D; dan
IPA Type D permits; and
- (d) Permit IPA Jenis E.
IPA Type E permits.

Kepada:

To:

[]

Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara

*Saya/Kami, yang bertandatangan di bawah, dengan ini memohon suatu permit *IPA Jenis A1/A2/ IPA Jenis B/ IPA Jenis C1/C2/C3/C4/ IPA Jenis D/ IPA Jenis E

*I/We, the undersigned, hereby apply for *IPA Type A1/A2/IPA Type B/IPA Type C1/C2/C3/C4/IPA Type D/IPA Type E Permit

untuk(nyatakan
tujuan permit)
to (state purpose of permit)

mengikut peruntukan Kaedah-Kaedah Industri Perkhidmatan Air (Permit) 2007 dan mengemukakan maklumat yang berikut:

in accordance with the provisions of the Water Services Industry (Permit) Rules 2007 and submit the following particulars:

1. Butir-butir permohonan (sekiranya bukan syarikat)
Particulars of Application (if not a company)

(a) Nama pemohon:.....
Name of applicant:

(b) Jawatan pemohon dalam firma, dll:.....
Position of applicant in firm, etc.:

(c) Alamat pemohon-
Address of applicant-

(i) Perniagaan:
Business.:
.....

No. Telefon:
Telephone No.:

(ii) Tempat tinggal:,
Residence.:

(d) Warganegara:

.....
Nationality.:

2. Butir-butir syarikat
Particulars of Company

(a) Nama syarikat:.....
Name of company:

(b) No. pendaftaran syarikat:.....
Company's registration No.:

(c) Alamat syarikat:.....
Company's address:

(d) Modal berbayar:.....
Paid up capital:

- (e) Modal yang dibenarkan:.....
Authorised capital:
- (f) Tahun ditubuhkan:.....
Year of incorporation:
- (g) Nama bank syarikat:.....
Name of company's bankers
3. Negeri atau negeri-negeri di mana pemohon ingin menjalankan kerja-kerja yang dibenarkan di bawah permit:
State or states in which the applicant is to carry out works permitted under the permit:
4. Butir-butir kelayakan dan pengalaman pemohon atau pekerja pemohon (sila gunakan lampiran tambahan sekiranya perlu)
Particulars of qualification and experience of applicant or applicant's employees (use additional sheet if required)
- (a) Jumlah tahun pengalaman pemohon:.....
Total years of experience of the applicant:
- (b) Sila kerpikan senarai kelayakan dan projek atau kerja utama yang telah diusahakan oleh pemohon, sekiranya ada.
Please attach a list of qualifications and major projects or jobs undertaken by the applicant, if any.
- (c) Pengalaman pemohon (jika seorang individu) atau pekerja pemohon:
Experience of applicant (if an individual) or applicant's employees:

| No. No. | Nama Name | Warganegara Nationality | Kelayakan Qualification | Pengalaman Experience |
|------------|--------------|----------------------------|----------------------------|--------------------------|
| | | | | |
| | | | | |

5. Suatu salinan diperakui sah perakuan pendaftaran pemohon yang dikeluarkan oleh Lembaga.
A certified true copy of the applicant's certificate of registration issued by the Lembaga.
- *Saya/Kami pemohon dengan ini:
**I/We* *the applicant hereby:*
- (a) mengaku mengikut peruntukan Akta Akuan Berkanun 1960 [Act 13] bahawa semua maklumat yang diberikan dalam permohonan ini adalah benar dan tepat;
declare in accordance with the provisions of the Statutory Declarations Act 1960 [Act 13] that all the information given in this application is true and accurate;
- (b) memberikan persetujuan saya/kami dan membenarkan Suruhanjaya untuk mengakses dan mendapatkan semua maklumat dan dokumen yang dikemukakan kepada Lembaga ketika memohon perakuan pendaftaran saya/kami sebagai kontraktor berdaftar; dan
grant my/our consent and authorise the Commission to access and obtain all such information and document submitted to the Lembaga when applying for my/our certificate of registration as a registered contractor; and
- (c) memberikan persetujuan selanjutnya untuk membenarkan Lembaga untuk memberikan apa-apa maklumat dan dokumen kepada Suruhanjaya, iaitu maklumat dan dokumen yang juga dikehendaki oleh Lembaga.
further consent to authorise the Lembaga to release such information and document to the Commission, where the same is required by the Lembaga.

Catatan:

Pemohon tidak perlu mengemukakan maklumat dan dokumen yang telah dikemukakan kepada Lembaga secara fizikal dengan syarat bahawa Suruhanjaya diberikan akses dan mampu untuk mendapatkan maklumat dan dokumen tersebut secara langsung daripada Lembaga.

Note:

The applicant is not required to physically submit the information and documents submitted to the Lembaga provided that the Commission is granted access to and is able to obtain such information and documents directly from the Lembaga.

*potong jika tidak terpakai

*Delete where inapplicable

.....
Tandatangan pemohon
Signature of applicant

.....
Untuk dan bagi pihak pemohon
For and on behalf of applicant

(Meterai Syarikat)
(Company Seal)

JADUAL KEDUA

[subkaedah 4(3), 8(1), 11(2), 12(2) dan kaedah 13]

Fi yang perlu dibayar berkenaan Permit

| No. | Jenis fi | Kategori Permit | | | | | |
|-----|--------------------------------|-------------------------------------|-------------------------------------|------------------------------------|-------------------------------------|-------------------------------------|-------------|
| | | IPA Jenis A (RM) bagi setiap negeri | IPA Jenis B (RM) bagi setiap negeri | IPA Jenis C (RM) bagi semua negeri | IPA Jenis D (RM) bagi setiap negeri | IPA Jenis E (RM) bagi setiap negeri | |
| 1. | Fi memproses permohonan permit | 30 | 30 | 100 | 30 | 30 | |
| 2. | Pemberian permit | A1 | 100 setahun | 300 setahun | C1 | 5,000 setahun | 900 setahun |
| | | | | | C2 | 2,000 setahun | |
| | | A2 | 200 setahun | | C3 | 750 setahun | |
| | | | | C4 | 200 setahun | | |

| No. | Jenis fi | Kategori Permit | | | | | | | |
|-----|---------------------------|-------------------------------------|-------------|-------------------------------------|----|------------------------------------|-------------|-------------------------------------|--|
| | | IPA Jenis A (RM) bagi setiap negeri | | IPA Jenis B (RM) bagi setiap negeri | | IPA Jenis C (RM) bagi semua negeri | | IPA Jenis D (RM) bagi setiap negeri | |
| 3. | Pembaharuan permit | A1 | 50 setahun | 300 setahun | C1 | 5,000 setahun | 900 setahun | 900 setahun | |
| | | | | | C2 | 2,000 setahun | | | |
| | | A2 | 100 setahun | | C3 | 750 setahun | | | |
| | | | | | C4 | 200 setahun | | | |
| 4. | Penggantian permit | 50 | | 50 | 50 | | 50 | 50 | |
| 5. | Salinan diakui sah permit | 10 | | 10 | 10 | | 10 | 10 | |

Catatan:

¹ - Jenis A1 : merujuk kepada pembinaan, penyambungan, pengubahaian atau pembaikan seksyen paip air perkhidmatan selepas titik meter dan perpaipan dalaman

Jenis A2 : merujuk kepada pembinaan, penyambungan, pengubahaian atau pembaikan sistem bekalan air sebagaimana yang dinyatakan di bawah Jenis A1 di atas dan paip perhubungan

² - Jenis C1 : Bagi memasukkan tender dan/atau mengusahakan projek atau kerja melebihi RM10,000,000

Jenis C2 : Bagi memasukkan tender dan/atau mengusahakan projek atau kerja melebihi RM2,000,000 tetapi tidak melebihi RM10,000,000

Jenis C3 : Bagi memasukkan tender dan/atau mengusahakan projek atau kerja melebihi RM200,000 tetapi tidak melebihi RM2,000,000

Jenis C4 : Bagi memasukkan tender dan/atau mengusahakan projek atau kerja tidak melebihi RM200,000

JADUAL KETIGA

[subkaedah 5(2)/*subrule 5(2)*]

AKTA INDUSTRI PERKHIDMATAN AIR 2006
WATER SERVICES INDUSTRY ACT 2006

KAEDAH-KAEDAH INDUSTRI PERKHIDMATAN AIR (PERMIT) 2007
WATER SERVICES INDUSTRY (PERMIT) RULES 2007

PERMIT IPA JENIS A/B/C/D/E*
IPA TYPE A/B/C/D/E PERMIT*

No. Permit:.....
Permit Number:

Nama pemegang permit:.....
Name of permit holder:

Alamat pemegang permit:.....
Address of permit holder:

Tujuan permit:.....
Purpose of permit:

Negeri atau negeri-negeri di mana kerja-kerja boleh diusahakan:.....
State or states in which the works may be carried out:

Permit sah dari:..... sehingga
Permit is valid from: to

Permit tertakluk kepada terma dan syarat yang dilampirkan.
Permit subject to terms and conditions as attached.

Fi permit:.....
Permit fee:

.....
Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara

Resit No.:.....
Receipt No.:

Tarikh *pengeluaran/pembaharuan:.....
*Date of *issue/renewal:*

*potong jika tidak terpakai
**Delete where inapplicable*

JADUAL KEEMPAT

[subkaerah 8(2)/*subrule 8(2)*]AKTA INDUSTRI PERKHIDMATAN AIR 2006
WATER SERVICES INDUSTRY ACT 2006KAEADAH-KAEADAH INDUSTRI PERKHIDMATAN AIR (PERMIT) 2007
WATER SERVICES INDUSTRY (PERMIT) RULES 2007PERMOHONAN PEMBAHARUAN PERMIT
APPLICATION FOR A RENEWAL OF PERMIT

Catatan:

Note:

Borang permohonan yang berasingan mestilah dikemukakan bagi setiap Negeri berkenaan dengan jenis permit yang berikut:

Separate application forms for renewal must be submitted for each State with respect to the following types of permits:

- (a) Permit IPA Jenis A;
IPA Type A permits;
- (b) Permit IPA Jenis B;
IPA Type B permits;
- (c) Permit IPA Jenis D; dan
IPA Type D permits; and
- (d) Permit IPA Jenis E.
IPA Type E permits.

Kepada:

To:

[]

Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara

*Saya/Kami, pemegang permit *IPA Jenis A1/A2/ IPA Jenis B/ IPA Jenis C/ IPA Jenis C1/C2/C3/C4/IPA Jenis D/ IPA Jenis E

**I/We, the holder of *IPA Type A1/A2/ IPA Type B/ IPA Type C1/C2/C3/C4/ IPA Type D/ IPA Type E Permit*

No.

No.

dengan ini memohon suatu pembaharuan permit *saya/kami mengikut peruntukan-peruntukan Kaedah-Kaedah Industri Perkhidmatan Air (Permit) 2007 dan mengemukakan maklumat yang berikut:

*hereby apply for a renewal of *my/our permit in accordance with the provisions of the Water Services Industry (Permit) Rules 2007 and submit the following particulars:*

1. Butir-butir Permohonan (Firma atau Syarikat)
Particulars of Application (Firm or Company)

- (a) Nama pemohon:
Name of applicant

(b) Alamat pemohon:
Address of applicant:

(c) No. Telefon:
Telephone No.:

(d) Nama syarikat:
Name of company:

(e) Jawatan pemohon dalam firma, dll:
Position of applicant in firm, etc.:

(f) Negeri atau negeri-negeri di mana kerja-kerja dibenarkan di-bawah permit akan dijalankan:
State or states in which the works permitted under the permit are to be carried out:

(g) Sila nyatakan kategori permit yang diberikan oleh Suruhanjaya sebelum ini:
Please specify the category of permit issued previously by the Commission:

IPA JENIS/NO. PERMIT:
IPA TYPE/PERMIT NO.:

(i) Permit IPA Jenis A No.:
IPA Type A Permit No.:

(ii) Permit IPA Jenis B No.:
IPA Type B Permit No.:

(iii) Permit IPA Jenis C No.:
IPA Type C Permit No.:

(iv) Permit IPA Jenis D No.:
IPA Type D Permit No.:

(v) Permit IPA Jenis E No.:
IPA Type E Permit No.:

(h) Jika permit yang diberikan kepada pemohon sebelum ini oleh Suruhanjaya telah dibatalkan atau digantung, sila nyatakan butir-butir:
If any previous permit issued to the applicant by the Commission has been revoked or suspended, please specify details:

| | IPA Jenis <i>IPA Type</i> | No. Permit <i>Permit No.</i> | Tempoh <i>Duration</i> |
|-------|----------------------------------|---------------------------------|---------------------------|
| (i) | IPA Jenis A <i>IPA Type A</i> | | |
| (ii) | IPA Jenis B <i>IPA Type B</i> | | |
| (iii) | IPA Jenis C <i>IPA Type C</i> | | |
| (iv) | IPA Jenis D <i>IPA Type D</i> | | |
| (v) | IPA Jenis E <i>IPA Type E</i> | | |

- (i) Butir-butir kelayakan dan pengalaman pemohon atau pekerja pemohon (gunakan helaian tambahan sekiranya diperlukan)

Particulars of qualification and experience of applicant or applicant's employees (use additional sheet if required)

- (i) Jumlah tahun pengalaman pemohon:
Total years of experience of the applicant:

- (ii) Sila kepilkhan senarai kelayakan dan projek-projek utama yang diusahakan oleh pemohon, sekiranya ada.
Please attach a list of qualifications and major projects undertaken by the applicant, if any.

- (iii) Pengalaman pemohon (jika individu) atau pekerja pemohon:
Experience of applicant (if an individual) or applicant's employees:

| No. No. | Nama Name | Warganegara Nationality | Kelayakan Qualification | Pengalaman Experience |
|------------|--------------|----------------------------|----------------------------|--------------------------|
| | | | | |
| | | | | |

- (j) Suatu salinan diperakui sah perakuan pendaftaran pemohon yang dikeluarkan oleh Lembaga.

A certified true copy of the applicant's certificate of registration issued by the Lembaga.

- (k) Pernahkah pemohon disabitkan di dalam mana-mana mahkamah undang-undang bagi suatu kesalahan sepanjang tempoh pemegangan permit yang diberikan di bawah Kaedah-Kaedah ini sebelum ini?

Has applicant been convicted in any court of law for an offence during the tenure of the previous permit issued under these Rules?

*YA/TIDAK

*YES/NO

Jika ya, sila nyatakan:

If yes, please specify:

- (l) Adakah terdapat apa-apa perubahan material dalam *firma/syarikat semenjak permit yang diberikan di bawah Kaedah-Kaedah ini sebelum ini?

*Has there been any material change in the *firm/company since the previous permit was issued under these Rules?*

*YA/TIDAK

*YES/NO

*Saya/Kami pemohon dengan ini:
the applicant hereby:
 *I/We

- (a) mengaku mengikut peruntukan Akta Akuan Berkanun 1960 [Akta 13] bahawa semua maklumat yang diberikan dalam permohonan ini adalah benar dan tepat; dan
declare in accordance with the provisions of the Statutory Declarations Act 1960 [Act 13] that all the information given in this application is true and accurate; and

- (b) memberikan persetujuan saya/kami dan membenarkan Suruhanjaya untuk mengakses dan mendapatkan semua maklumat dan dokumen yang dikemukakan kepada Lembaga ketika memohon perakuan pendaftaran saya/kami sebagai kontraktor berdaftar; dan
grant my/our consent and authorise the Commission to access and obtain all such information and document submitted to the Lembaga when applying for my/our certificate of registration as a registered contractor; and
- (c) memberikan persetujuan selanjutnya untuk membenarkan Lembaga untuk memberikan apa-apa maklumat dan dokumen kepada Suruhanjaya, iaitu maklumat dan dokumen yang juga dikehendaki oleh Lembaga.
further consent to authorise the Lembaga to release such information and document to the Commission, where the same is required by the Lembaga.

Catatan:

Pemohon tidak perlu mengemukakan maklumat dan dokumen yang telah dikemukakan kepada Lembaga secara fizikal dengan syarat bahawa Suruhanjaya diberikan akses dan mampu untuk mendapatkan maklumat dan dokumen tersebut secara langsung daripada Lembaga.

Note:

The applicant is not required to physically submit the information and documents submitted to the Lembaga provided that the Commission is granted access to and is able to obtain such information and documents directly from the Lembaga.

*potong jika tidak terpakai
* *Delete where inapplicable*

.....
Tandatangan pemohon
Signature of applicant

.....
Untuk dan bagi pihak pemohon
For and on behalf of applicant

(Meterai Syarikat)
(Company Seal)

Dibuat 27 Disember 2007
[KTAK: BP(S)9/9 Klt. 4/PN(PU²)660]

TAN SRI DATO' IR. HAJI ZAINI BIN OMAR
Pengerusi Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara